

28 DISEMBER 2017

## Tidak salah tanam secara komersial



**"Perkara berkaitan penanaman ketum berskala besar terutama membabitkan industri peladangan belum ada undang-undang secara khusus untuk diambil tindakan"**  
Mohamad

28-12-2017

setempat 33

**Tidak salah tanam secara komersial**

**Kuala Lumpur:** Penanaman pokok ketum secara komersial tidak menjadi kesalahan, malah tiada peruntukan undang-undang khusus boleh mendakwa individu atau pihak yang melakukan tindakan itu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, setakat ini pihaknya hanya mengambil tindakan terhadap individu didapati menyalah guna dan memiliki daun ketum saja.

Beliau berkata, pihak yang didapati menggunakan, memiliki, menjual, memproses atau penyeludup daun ketum boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Racun 1952.

"Namun perkara berkaitan penanaman ketum berskala besar terutama membabitkan industri peladangan belum ada undang-undang secara khusus untuk diambil tindakan.

"Perkara berkenaan perlulah dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana ia membabitkan Akta Racun 1952 dan bukannya Akta Dadah Berbahaya," katanya.

Beliau mengulas cadangan beberapa pihak supaya pokok ketum ditanam secara komersial kerana mempunyai nilai pasaran tinggi di peringkat antarabangsa.

Harian Metro kelmarin melaporkan, ada beberapa ladang ketum berskala besar di negara ini mempunyai tempat memasak daun pokok itu untuk penghasilan air rebusan ketum khusus untuk penagih di negara ini.

Penanaman pokok ketum ini dilakukan sindiket secara tersorok di dalam kawasan kebun getah atau belukar yang jauh dari kediaman penduduk bagi tujuan penyeludupan.